



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**ASPEK-ASPEK KEMASYARAKATAN  
DALAM SAJAK-SAJAK USMAN AWANG  
TAHUN 1940-AN DAN 1950-AN**

**LIM SWEE TIN**

**FBMK 1999 11**

**ASPEK-ASPEK KEMASYARAKATAN  
DALAM SAJAK-SAJAK USMAN AWANG  
TAHUN 1940-AN DAN 1950-AN**

**LIM SWEE TIN**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1999**



**ASPEK-ASPEK KEMASYARAKATAN  
DALAM SAJAK-SAJAK USMAN AWANG  
TAHUN 1940-AN DAN 1950-AN**

Oleh

**LIM SWEE TIN**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat untuk mendapatkan ijazah Master Sastera  
di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.**

**April 1999**



## DEDIKASI

Kepada ibu yang dikasihi, Hut a/p Ayahdi,  
yang tidak henti-henti mendorong dan  
menyalakan obor semangat untuk kejayaan.

Kejayaan ini seluruhnya kuserahkan kepadamu,  
Isteri, Selina yang  
sentiasa memahami.

Kejayaan ini ingin kukecapi  
bersamamu,  
Anak-anak Wei Wen, Fheng Fheng dan Yieng Yieng  
yang mula mengerti.

Kejayaan ini ingin papa hadiahkan  
untuk semua.



## PENGHARGAAN

Amat bergembira saya kerana akhirnya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Justeru, terima kasih saya hulurkan kepada penyelia saya yang tidak pernah jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir, Tuan Haji Taha bin Kadir, dan Puan Halimah binti Hassan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelaras Pengajian Siswazah, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Dr. Sharmeem Rafiq Khan atas dorongan beliau.

Saya juga berasa terhutang budi kepada Sasterawan Negara, Datuk Dr. Usman Awang yang banyak memberikan bantuan dan kata-kata nasihat bagi menjayakan kajian ini.

Kepada sebaris panjang individu yang tidak tertuliskan nama di sini, saya turut melahirkan rasa terhutang budi atas sokongan dan pertolongan yang telah disumbangkan.

Terima kasih.

LIM SWEE TIN

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia.



## KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	vii
ABSTRAK .....	viii
ABSTRACT .....	x
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Pengenalan .....	1
Pernyataan Kajian .....	2
Kepentingan Kajian .....	5
Objektif Kajian .....	7
Pembatasan Kajian .....	8
Kaedah Kajian .....	9
Definisi Konsep .....	10
<b>II KAJIAN LITERATUR .....</b>	<b>12</b>
Pengenalan .....	12
Kajian Terhadap Sajak-sajak Karya Usman Awang .....	12
<b>III METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>29</b>
Pengenalan .....	29
Sejarah Kemunculan Pendekatan Sosiologi .....	30
Konsep dan Ciri-ciri Pendekatan Sosiologi .....	33

<b>IV</b>	<b>ASPEK-ASPEK KEMASYARAKATAN DALAM SAJAK-SAJAK KARYA USMAN AWANG DALAM TAHUN 1940-AN DAN 1950-AN .....</b>	<b>37</b>
	Pengenalan .....	37
	Perkembangan Aspek Kemasyarakatan dalam Sajak Awal hingga 1940-an .....	37
	Penglibatan dan Perkembangan Penulisan Sajak Usman Awang dalam Tahun 1940-an .....	43
	Aspek Kemasyarakatan dalam Sajak-sajak Usman Awang Tahun 1940-an .....	46
	Kesedaran Politik .....	49
	Sosioekonomi yang Mundur .....	52
	Keagamaan .....	53
	Analisis Sajak 1950-an .....	55
	Aspek Kemasyarakatan dalam Sajak Melayu dalam Tahun 1950-an .....	55
	Penglibatan dan Perkembangan Penulisan Sajak Usman Awang dalam Tahun 1950-an.....	59
	Tema dan Pemikiran dalam Sajak-sajak Usman Awang Tahun 1950-an .....	60
	Aspek-aspek Kemasyarakatan dalam Sajak-sajak Usman Awang Tahun 1950-an .....	66
	Kesedaran Politik .....	67
	Sosioekonomi yang Mundur .....	76
	Keagamaan .....	81
	Kekeluargaan .....	85
	Budaya .....	90
	Perbandingan Aspek-aspek Kemasyarakatan dalam Sajak Usman Awang Tahun 1940-an dan 1950-an .....	100
	Persamaan .....	101
	Perbezaan .....	102
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>107</b>
	Pengenalan .....	107
	Rumusan Kajian Keseluruhan .....	107
	Kesedaran Politik .....	108
	Sosioekonomi yang Mundur .....	108

Keagamaan .....	109
Keluarga .....	110
Budaya .....	110
Perpaduan Kaum .....	111
Cadangan .....	112
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>114</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>117</b>
Lampiran A Senarai Sajak Usman Awang .....	118
<b>BIOGRAFI .....</b>	<b>125</b>





## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Kedudukan Sajak-sajak Nasionalisme Sebagai Aspek Kemasyarakatan .....	48
2 Tema dan Pemikiran dalam Sajak Usman Awang Tahun 1950-an .....	61-62
3 Perbandingan Aspek Kemasyarakatan dalam Sajak-sajak Usman Awang Tahun 1940-an dan 1950-an .....	100



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**ASPEK-ASPEK KEMASYARAKATAN  
DALAM SAJAK-SAJAK USMAN AWANG  
TAHUN 1940-AN DAN 1950-AN**

Oleh

**LIM SWEE TIN**

**April 1999**

**Pengerusi : Encik Kamaruzzaman A. Kadir**

**Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Latihan ilmiah ini cuba meneliti beberapa aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak S.N. Dr. Usman Awang yang ditulis pada dekad 40-an dan 50-an. Sajak-sajak itu telah ditulisnya dan diterbitkan oleh surat khabar *Utusan Zaman* dan *Majalah Mastika*.

Kebanyakan sajak yang ditulisnya pada dekad tersebut bersifat asli dan diantologikan dalam antologi *Gelombang* dan antologi *Puisi Melayu Baru* yang disusun oleh Ali Haji Ahmad pada tahun 1964. Sajak-sajaknya yang ditulis pada dekad tersebut amat penting untuk diteliti dan dikaji kerana Usman Awang banyak mengungkapkan aspek kemasyarakatan di dalamnya.



Usman Awang merupakan seorang penyair yang amat penting dalam perkembangan penulisan puisi di Malaysia sejak dekad 40-an hingga kini. Beliau seorang penyair yang prolifik dan kebanyakan puisinya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Perancis, Mandarin dan Rusia. Pada dekad 50-an, Usman Awang merupakan tokoh penting dalam ASAS 50. Beliau bertanggungjawab menulis puisi sejajar dengan aspirasi dan ideologi ASAS 50 yang memperjuangkan 'Seni untuk Masyarakat'.

Kebanyakan sajak beliau membawa persoalan menentang penjajahan, mengkritik golongan feudal dan kapitalis. ASAS 50 berpendapat bahawa penjajahan, kapitalisme dan feudalisme melambatkan perjuangan kemerdekaan dan hanya melahirkan masyarakat berkelas dan menindas masyarakat bawahan. Oleh sebab itu, kebanyakan sajaknya mengandungi persoalan menentang penjajah seperti dalam sajak-sajak "Tanah Air", dan "Zaman Merdeka". Manakala sajaknya yang berjudul "Pak Utih" membawa persoalan mengenai kemiskinan dalam masyarakat.

Kekuatan sajak Usman Awang terletak pada tema dan persoalan yang dibawanya termasuk pemikirannya yang universal. Oleh sebab itu, peneliti berpendapat bahawa sajak-sajak beliau amat penting untuk dikaji dan dianalisis seperti yang dilakukan dalam latihan ilmiah ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfillment of requirement for the degree of Master of Arts.

**SEVERAL SOCIAL ASPECTS IN THE POEMS OF USMAN AWANG  
FROM THE 1940'S-1950'S**

By

**LIM SWEE TIN**

**April 1999**

**Chairman : Mr. Kamaruzzaman A. Kadir**

**Faculty : Faculty of Modern Language and Communication**

This dissertation evaluates and analyzes several aspects of social issues in the poems written by S.N. Dr. Usman Awang in the 40's and 50's. Most of his poems were published in the weekly newspaper *Utusan Zaman* and monthly magazine *Mastika*.

His poems were original and reproduced into two anthologies which were published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 1964. One of his anthologies entitled *Gelombang* or *Wave* contains poems he had written in those decades. His other works were published in the anthology entitled *Puisi Melayu Baru* edited by the late Ali Haji Ahmad in 1964. The poems which were published in those decades are very important because Usman Awang often highlighted sociological aspects in his poems.



Usman Awang is a distinguished and prolific poet. His works have been translated into many languages including French, Mandarin and Russian. He was a very celebrated poet in the 1950's and he was one of the important personalities in ASAS 50 literary circle. He was responsible for writing and promoting poetry in accordance to the ASAS 50 aspiration and ideology 'Seni untuk Masyarakat' or 'Arts for Society'.

Most of his poems raise several issues against imperialism, capitalism and feudalism which were undermining the success of Malayan Independence and were at the same time responsible for creating social classes in the society and discriminating the lower class groups. Most of his poems present several issues criticizing imperialism such as in the poems entitled "Tanah Air" or "Mother Land" and "Zaman Merdeka" or "Era of Freedom". Whereas his poem entitled "Pak Utih" or "Uncle Utih" raises issues concerning poverty among the social classes.

The strength of his poems are based on the theme and the universality of his thoughts. In conclusion, this dissertation highlights important social issues in the poems of Usman Awang during the decades of 40's and 50's.



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Sastera tidak dilahirkan dalam kekosongan sosial. Swingewood (1972: 43) memetik pendapat Wilbur Scott yang menyatakan bahawa sastera tidak lahir daripada kekosongan. Swingewood (1972: 43) sendiri berpendapat bahawa karya sastera adalah refleksi sosial. Ertinya, karya sastera merupakan cerminan sosial yakni gambaran akan realiti masyarakat dan zaman karya itu dihasilkan.

Berdasarkan pendapat-pendapat itu, jelas bahawa sastera dan masyarakat tidak boleh dipisahkan. Anwar Ridhwan (1986: 11) menyatakan 'Sasterawan sebagai manusia selalu berhubungan dengan masyarakatnya.' Rene Wellek dan Austin Warren (1988: 95) memetik pendapat De Bonald yang menyatakan bahawa 'Kesusasteraan adalah ekspresi masyarakat.' Sohaimi Abdul Aziz (1992: 1) seterusnya menyatakan, 'Sastera dan masyarakat adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan.' Manakala, Dharmawijaya (1993: 14) mengukuhkan pendapat itu dengan menyatakan, 'Sastera hasil seseorang yang terikat pada ruang dan waktu serta

bertanggungjawab terhadap masyarakat yang dirinya menjadi seorang daripada anggotanya yang penting.'

Pengarang pula adalah elemen masyarakat. Dengan itu, ekspresi yang diluahkan pengarang dalam karya sastera, justeru menggambarkan realiti sosial yang wujud, yang menurut Rene Wellek (1970: 11), 'Sastera itu dapat memperlihatkan *world view* sesuatu masyarakat. Sastera adalah mewakili *kehidupan* dan *kehidupan* itu dalam ukuran yang lebih luas adalah suatu realiti sosial.'

Kajian ini khusus menganalisis aspek sosiologikal dalam hubungan pengarang memaparkan realiti sosialnya dalam karya. Pengarang itu ialah Usman Awang. Karyanya berupa sajak yang dihasilkan dalam tahun 1940-an dan 1950-an.

### **Pernyataan Kajian**

Kajian sajak Usman Awang sudah banyak dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian hanya menyentuh aspek tema, pemikiran, bentuk, dan stilistik sahaja. Dalam bukunya, *Sikap dan Pemikiran Usman Awang*, Dinsman dan Sutung Umar RS (1983) banyak menyelidik aspek tema sajak Usman Awang. Kamaruzzaman Abd. Kadir (1987) dalam bukunya *Nasionalisme dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, meninjau aspek tema

dan pemikiran sajak-sajak periode tersebut, turut membincangkan sajak karya Usman Awang yang menjurus kepada persoalan patriotisme.

Analisis terhadap tema sebenarnya tidak mencukupi untuk diketahui dengan mendalam aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat pada zaman karya itu dihasilkan. Bersandarkan pendapat Dharmawijaya (1993: 14) bahawa 'Sastera hasil seseorang yang terikat pada ruang dan waktu...' sudah tentu pelbagai aspek kemasyarakatan boleh dikaji daripada sajak-sajak Usman Awang.

Untuk mengenal pasti aspek kemasyarakatan dalam karya sastera, seumpama sajak satu kajian yang menyeluruh perlu dilakukan. Ini disebabkan sajak mengandungi banyak aspek kemasyarakatan di sebalik penggunaan diksi, unsur figuratif bahasa, tema dan persoalan.

Usman Awang merupakan pengarang atau penyair terpenting dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden dan Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS 50) yang terpenting. Ali Haji Ahmad (1961: xxxii) menyatakan, 'Sajak-sajak Angkatan Sasterawan 50 ini banyak sekali menggambarkan keadaan-keadaan dan kejadian-kejadian yang berlaku dalam masyarakat. Bahkan untuk pengkajian dari segi ilmu masyarakat (*sociology*) pun sajak-sajak angkatan ini amat penting ertinya. Perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan, akibat-akibat darurat, perjuangan kaum



buruh, kesenian cabul dan lain-lain yang terdapat dalam masyarakat itu dituliskan oleh penyajak angkatan ini.' Panel Anugerah Sastera Negara (1983: 3), dalam laporannya, berpendapat 'Usman Awang adalah seorang penyair yang hidup subur sepanjang zamannya. Semenjak beliau mula menulis kira-kira pada tahun 1948 hingga sekarang, Usman telah dan terus menjadi ikutan, teladan dan sumber inspirasi para penyair dari dekad ke dekad.' Rahman Shaari (1983: 37) menyatakan, 'Usman Awang seorang tokoh penyair yang berjaya menghasilkan sajak-sajak yang menarik, kuat dan matang... untuk masa-masa hadapan pun kita sukar menemui penyair lain yang tahan diuji zaman sepertinya.'

Manakala Muhammad Haji Salleh (1991: v) pula menyatakan, 'satu daripada dasar yang menjadikan Usman Awang penyair penting dalam perkembangan puisi Malaysia ialah pemikirannya yang peka kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat terbanyak, dan negara yang melalui beberapa zaman yang trauma...'

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas jelas tidak ada kajian yang konkrit terhadap aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak Usman Awang. Oleh sebab itu, kajian ini penting kerana berusaha mengkaji aspek-aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak beliau.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini penting disebabkan beberapa faktor . Pertama, sajak-sajak karya Usman Awang merupakan khazanah kesusasteraan Melayu yang amat berharga. Ia sama penting dengan kedudukan Usman Awang sendiri sebagai tokoh yang sudah dianggap sebuah institusi. Dalam *Malaysian Writer: Usman Awang* (1989) ada dinyatakan bahawa Usman Awang yang mula berkarya pada tahun 1948 telah berjaya mengembangkan pengaruhnya dan menjadi ikutan banyak pengarang baru. Ada ciri-ciri ketokohan atau karisma yang istimewa pada dirinya sehingga dia dianggap sebagai sebuah institusi.

Kedua, sajak-sajak Usman Awang yang dihasilkan dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an dikatakan sebagai antara karyanya yang terbaik. Menurut Ahmad Kamal Abdullah:

Puisi Usman Awang yang berhasil kebanyakannya masih di dalam kumpulan *Gelombang* yakni kumpulan sajak-sajak awalnya seperti "Ke Makam Bonda", "Mata Ayah", "Lahirilah Engkau", "Hadiah" yang diucapkan dengan secara tidak dipaksa-paksakan.

(1983:100)

Ketiga, penglibatan pengarang dengan masyarakatnya. Kennedy, X.J, dan Dana Gioia (1995) berpendapat pengarang itu penting kerana dia

berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakatnya. Dalam hubungan ini, kajian atas struktur dan organisasi masyarakat dalam sajak-sajak Usman Awang dalam tahun yang dipilih dapat dijadikan garis panduan untuk dikenal pasti aspek-aspek kemasyarakatan, dan untuk dijadikan panduan kepada para pengkaji seterusnya.

Keempat, periode tahun 1940-an dan 1950-an di Tanah Melayu penuh dengan pergolakan yang besar; baik dari segi kehidupan masyarakat, mahupun pergerakan politiknya. Pergolakan ini, antaranya dilandasi oleh perjuangan rakyat Tanah Melayu bagi mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Dalam konteks ini, karya sastera, terutama sajak Usman Awang ada merakamkan secara tersurat atau tersirat akan hal-hal yang dinyatakan di atas. Analisis yang mendalam akan dapat mengesani aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam karya itu.

Kelima, kerana tidak adanya kajian yang dilakukan secara bersungguh-sungguh terhadap aspek-aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak Usman Awang tahun 1940-an dan 1950-an. Kajian meluas terhadap tema, persoalan, dan bentuk sudah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Tetapi, Usman Awang sebagai pengarang juga mempunyai peranan dalam

menyuarakan pendapat, pandangan dan aspirasi masyarakat bangsanya. Kajian ini berusaha membuktikan hal tersebut.

Keenam, kajian ini akan menganalisis aspek-aspek kemasyarakatan dalam kedua-dua periode 1940-an dan 1950-an untuk mengenal pasti perubahan dan pertumbuhan sosial, baik secara evolusi atau drastik. Hasilnya penting sebagai satu pernyataan sosial. Ini dapat melengkapkan lagi fakta-fakta sejarah dan budaya yang telah dikaji oleh ahli-ahli sejarah dan para pengkaji budaya sebelum ini.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- a. untuk mengenal pasti aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam sajak-sajak karya Usman Awang yang dihasilkan dalam tahun 1940-an, iaitu sosioekonomi, kesedaran politik, dan keagamaan.
- b. untuk mengenal pasti aspek-aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam sajak-sajak karya Usman Awang yang dihasilkan dalam tahun 1950-an, iaitu sosioekonomi,

kesedaran politik, keagamaan, kekeluargaan, budaya, dan perpaduan kaum.

- c. untuk menimbulkan gambaran suasana kemasyarakatan yang wujud pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an supaya lebih dekat kepada masyarakat pembaca pada masa ini.

Bagi mencapai objektif di atas, pendekatan yang digunakan ialah Pendekatan Sosiologi yang dihubungkan dengan Pendekatan Sejarah, yang kerap digunakan dalam analisis sastera berhubung dengan aspek-aspek kemasyarakatan yang digambarkan dalam karya sastera. Pendekatan ini penting untuk mengkaji sejarah pertumbuhan puisi Melayu moden sejak awal sehingga tahun-tahun 1950-an. Pendekatan ini digunakan bagi tujuan membolehkan senario pertumbuhan itu dikaitkan dengan perkembangan penulisan Usman Awang. Satu kupasan pemikiran dalam sajak-sajak Usman Awang dalam setiap periode juga dilakukan untuk memudahkan analisis aspek-aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak Usman Awang .

### **Pembatasan Kajian**

Pertama, kajian ini dibataskan kepada aspek-aspek yang telah dinyatakan dalam pernyataan kajian di atas sahaja. Sajak-sajak Usman

Awang yang dipilih ialah yang dihasilkan dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Kedua, kajian ini tidak menganalisis aspek lain seperti bentuk, gaya bahasa, stilistik, dan teknik sajak-sajak Usman Awang. Ketiga, kajian ini juga dibataskan kepada Pendekatan Sosiologi. Manakala, pendekatan lain tidak digunakan; baik sebagai pendekatan tambahan atau menyokong pendekatan tersebut. Dengan itu, diharapkan kajian ini akan menjadi lebih lengkap, dan dapat mencapai objektifnya.

### **Kaedah Kajian**

•

Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah rujukan perpustakaan digunakan. Kaedah ini melibatkan rujukan akhbar, majalah, jurnal, kertas-kertas kerja, tesis, dan buku-buku yang sudah diterbitkan. Ini dilakukan bagi mengumpul sajak-sajak Usman Awang dan pandangan-pandangan penyelidik terhadapnya.

Sajak-sajak Usman Awang yang dikumpulkan secara kronologi dibaca dan dianalisis. Semua gambaran yang terkandung dalam sajak dijadikan dasar untuk mengenal pasti aspek-aspek kemasyarakatan dalam periode yang dinyatakan, iaitu 1940-an dan 1950-an. Terdapat sajak yang jelas menggambarkan aspek kemasyarakatan, tetapi ada juga sajak yang perlu digabungkan beberapa buah untuk diperolehi aspek yang ada. Ini bergantung pada tema dan latar semasa sajak itu dicipta. Selain itu,

dapatan-dapatan ini dihubungkan pula dengan pandangan-pandangan penyelidik supaya dapatan menjadi lebih mantap.

Dalam membuat analisis, pembacaan dan rujukan esei dan buku tentang Pendekatan Sosiologi dilakukan. Contoh-contoh analisis menggunakan pendekatan ini yang dianggap bersesuaian ditelaah dan dijadikan panduan.

### Definisi Konsep

Definisi istilah-istilah penting yang digunakan dijelaskan sebagaimana berikut:

Kata *kemasyarakatan* adalah kata terbitan *masyarakat* yang menerima apitan *ke...an*. Dalam *Kamus Dewan* (1993: 865), ia bermaksud *keadaan masyarakat, yang berkaitan dengan masyarakat*. Pengertian ini bersamaan dengan *sosial*, dalam *Kamus Dewan* (1993: 1301), yang bermaksud, 1. *segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan, atau berkaitan hal-hal kemasyarakatan*.

Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1989: 564), *kemasyarakatan* diberi maksud *perihal (mengenai) masyarakat*. Manakala, *sosial*, dalam

*Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1989: 855), diberi maksud berkenaan dengan masyarakat .

Berdasarkan kedua-dua pengertian, kata *sosial* boleh saling bertukar ganti dengan kata *masyarakat* atau *kemasyarakatan*. Ia mendokong maksud yang sama.

Dengan yang demikian, jelaslah bahawa *kemasyarakatan* bermaksud *hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat, serta manusia yang membinanya*. Apabila definisi tersebut dihubungkan dengan sajak dan karya kreatif lainnya, kemasyarakatan dapat diertikan sebagai tema yang merangkumi pemikiran.



## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **Pengenalan**

Dalam Bab I, ada diterangkan bahawa sudah banyak kajian yang dijalankan atas sajak-sajak Usman Awang. Kajian yang dijalankan terdapat dalam bentuk buku, tesis, dan esei-esei kesusasteraan. Kajian ini dilakukan oleh sarjana dan pengkaji tempatan dan luar negeri.

Pelbagai dapatan yang terhasil daripada kajian itu. Dalam bab ini akan disorot kajian-kajian yang dijalankan itu, iaitu dapatan yang berkaitan dengan genre sajak karya Usman Awang.

#### **Kajian Terhadap Sajak-Sajak Karya Usman Awang**

Terdapat dua buah buku khusus tentang kajian puisi Melayu moden yang mengandungi analisis karya Usman Awang. Pertama, *Sikap dan Pemikiran dalam Puisi Melayu Moden*, oleh Umar Junus (Drs.), seorang sarjana berasal dari Indonesia. Buku ini diterbitkan dalam tahun 1980.